

19/02/1998

Usah campur urusan bahagian lain

KUANTAN, Rabu - Ahli Umno yang menawarkan diri menjadi calon dalam pemilihan parti peringkat bahagian di negeri ini, diminta supaya tidak mencampuri urusan di bahagian Umno lain.

Berikutan itu, isu pencalonan ahli Umno terbabit hanya perlu berkisar di bahagian masing-masing dan calon juga tidak digalakkan membawa orang luar bahagiannya terbabit dalam pertandingan itu.

Ketua Badan Perhubungan Umno Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata bagaimanapun, perundingan perlu dijalankan bagi membolehkan tidak berlaku pertandingan dalam perebutan jawatan utama bagi mengelak berlaku perpecahan dalam parti.

Beliau berkata, langkah ini tidak bermakna Umno tidak membenarkan pertandingan tetapi perundingan sewajarnya diadakan terlebih dahulu dalam usaha mencari kata sepakat.

"Saya merayu kepada ahli Umno Pahang mematuhi nasihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, supaya semua bahagian mengadakan perundingan terlebih dahulu dan hasilnya tidak ada pertandingan.

"Selain itu, bagi ahli Umno yang menawarkan diri menjadi calon untuk bertanding, perkara itu perlu berkisar di bahagian calon terbabit saja," katanya.

(END)